

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 2 (32)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 3 TAHUN 2019**

**KADAR YURAN PEMROSESAN BAGI
PROGRAM PENSIJILAN *ISLAMIC BANKING AND
FINANCE INSTITUTE MALAYSIA (IBFIM),
ANJURAN FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN
PERNIAGAAN (FKP)***

Pejabat Bendahari

19 Mac 2019

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.PC./B03.00/100-6/4 JLD 2 (32)

19 MAC 2019

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2019

KADAR YURAN PEMROSESAN BAGI PROGRAM PENSIJILAN *ISLAMIC BANKING AND FINANCE INSTITUTE MALAYSIA (IBFIM)* ANJURAN FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN (FKP)

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar yuran pemprosesan yang dikenakan ke atas program pensijilan *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM) yang dianjurkan oleh Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 FKP telah menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan kepujian (SAB) bermula tahun 2011.
- 2.2 FKP mengambil langkah menilai tambah program SAB ini dengan menawarkan Sijil Profesional IBFIM dan menawarkannya di dalam kurikulum teras dan elektif. Penarafan ini penting dan sejajar dengan keperluan dan kehendak industri kewangan dan perbankan Islam kontemporari dan berupaya menyumbang kepada kebolehpasaran graduan yang lebih berdaya saing. Program pensijilan ini telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2017 yang telah bersidang pada 23 Februari 2017. Memorandum of

Agreement (MoA) antara UMK dan IBFIM telah ditandatangani pada 25 April 2015.

2.3 Kursus yang ditawarkan adalah *Associate Qualification in Islamic Finance* (AQIF) dan *Intermediate Qualification in Islamic Finance* (IQIF) – *Wealth Management* daripada IBFIM.

- i. AQIF adalah program yang direka khusus untuk memenuhi keperluan industri dan standard kewangan Islam. Ianya dibangunkan untuk melengkapkan dan membantu golongan kakitangan serta pengamal industri dalam meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dalam kewangan Islam – pengetahuan asas dan falsafah kewangan Islam dan aplikasinya dalam operasi kewangan Islam.
- ii. IQIF pula merupakan program bersifat nilai tambah bagi mengukuhkan kepakaran dalam bidang perbankan dan kewangan Islam dengan mengikuti modul pada tahap pertengahan. Program ini ditawarkan bagi pelajar yang telah berjaya menamatkan kursus profesional AQIF. Ianya mengandungi modul khusus yang memberi penekanan kepada pengurusan kekayaan (*wealth management*) dan sejajar dengan bidang tujahan Universiti sebagai sebuah universiti yang berteraskan keusahawanan.

3.0 JENIS KUTIPAN YURAN

3.1 Berikut adalah jenis kutipan yuran yang akan dikenakan kepada pelajar.

JENIS YURAN	BAYARAN YANG DIKENAKAN	CATATAN	KAEDAH
Yuran wajib IBFIM	RM500.00	Satu kali sahaja sepanjang tempoh pengajian di UMK	Kutipan akan diselaraskan oleh pihak FKP dan diserahkan kepada IBFIM sepertimana yang dipersetujui dalam MoA
Yuran wajib peperiksaan	RM300.00	Untuk setiap modul AQIF/IQIF	
Yuran pemprosesan	RM50.00	<ul style="list-style-type: none"> • Satu kali sahaja sepanjang tempoh pengajian di UMK • 10% akan diagihkan kepada pihak Universiti 	Hasil akan dimasukkan ke dalam Tabung Amanah FKP dan hasil Universiti

3.2 Kadar kutipan yuran pemprosesan setelah diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2018 pada 25 Februari 2018. Fakulti telah membuat kutipan ke atas yuran ini bermula tahun 2018.


4.0 PEMAKAIAN

4.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada tarikh kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 30 Mac 2018.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor